

PM lawat Sabah minggu depan

BH - 6 FEB 2007

KOTA KINABALU, Isnin – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan rasmi dua hari ke Sabah pada 11 dan 12 Februari ini.

Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam berkata, sempena lawatan itu Perdana Menteri dijadual merasmikan mesyuarat Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asean (SEAMEO) di Hotel Magellan Sutera, di sini.

Mesyuarat kali ke-36 itu

dijangka dihadiri menteri-menteri dari semua 10 negara anggota. Ia berlangsung selama tiga hari sehingga 14 Februari.

Selain itu, mesyuarat itu dijangka disertai perwakilan dari enam negara bersekutu, iaitu Perancis, Kanada, Belanda, Jepun, Jerman dan Australia.

Pada lawatan itu Dr Mahathir juga akan mengadakan pertemuan dengan pemimpin Umno Sabah.